

MAHATHIR—PENGURUS

1978
KUALA LUMPUR, 14 JAN. (BERNAMA) — KERAJAAN SEDANG GIAT MELATIH PARA PENGURUS KERANA IA MENGANGGAP PENGURUS DAN PENGURUSAN PENTING UNTUK PEMBANGUNAN NEGARA, KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI.

KATANYA, PENUBUNGAN INSTITUT PENTABIRAN AWAM NEGARA (INTAN), PUSAT DAYA PENGELUARAN NEGARA DAN JUGA INSTITUT TEKNOLOGI MARA ADALAH BUNTI TENTANG PENGHARGAAN KERAJAAN TERHADAP PARA PENGURUS DAN PENGURUSAN.

BELIAU TELAH BERUCAP DI MAULIS PENUBUNGAN KELAS ALUMNI PUSAT PENGAJIAN PERDAGANGAN HARVARD MALAYSIA DI SINI. BELIAU JALAH PENANGG KELAS ITU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, BELIAU GEMBIRA BAHAWA SEKTOR SWASTA JUGA SEDANG TENTANG PERANAN PENGURUSAN DAN LATIHAN UNTUK PARA PENGURUS.

+INSTITUT PENGURUSAN MALAYSIA SEDANG GIAT DALAM USAHA LATIHAN INI. SAYA YAKIN KELAS ALUMNI INI JUGA AKAN TERLIBAT DALAM LATIHAN ITU. JIKA TIDAK SECARA LANGSUNG, SEBANYAK SEDIKIT AKAN TERLIBAT+, TAMBAHNYA. —BERSAMBUNG 1939/BY

MAHATHIR—PENGURUS 2 KUALA LUMPUR

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA, KERAJAAN DALAM USAHANYA MELAKSANAKAN DASAR EKONOMI BARU DAN PENYUSUNAN SEMULA MASYARAKAT, TELAH TERHALANG KERANA KEKURANGAN PARA PENGURUS YANG BERKEBOLEHAN TERUTAMA DI KALANGAN BUMIPUTRA.

PELUANG, LESEN DAN MODAL AKAN SIA-SIA SAJAA TANPA PENGURUSAN YANG MAHIR DI KALANGAN BUMIPUTRA, TEGASNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERHARAP AHLI-AHLI ALUMNI AKAN MENYEBARKAI KEMAHIRAN PENGURUSAN DAN APA CARA YANG BOLEH.

KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN MALAYSIA SEJAK MERDEKA MEMANG SENTIASA BAIK DAN KEDUDUKAN KREDIT MALAYSIA DI BIDANG ANTARABANGSA TIDAK PERNAH DIPERSOALKAN, TAMBAHNYA.

BAGAIMANAPUN, PARA PENTADBIR DAN PENGURUS KERAJAAN DI SEKTOR SWASTA MESTILAH MENJALANKAN PENGURUSAN YANG CEKAP DAN UNTUK KE-UNTUNGAN, TAMBAHNYA. —BERSAMBUNG 1941/BY

EE

B594

MAHATHIR—PENGURUS 3 KUALA LUMPUR

DI JABATAN-JABATAN YANG TERSAS UTAMANYA JALAH MENAMBAHKAN WANG, KEGAGALAN MEMENUHI JANGKA MADA YANG DITETAPKAN DAN KADAR KOS YANG SELALU BERLEBIHAN MESTILAH MENCERMINKAN SEDIKIT SEBANYAK KEGAGALAN PENGURUSAN.

YANG DIPERTUA KELAS ALUMNI ITU, ENCIK SULAIMAN ABDULLAH MENEGASKAI ALUMNI TERSEBUT BERHARAP DAPAT MEMBERI KESEDARAN BESAR DAN USAHA-USAHA YANG LEBIH MELUAS AKAN DILAKSANAKAN BAGI MELAHIRKAN ESEKUTIF PERDAGANGAN BAGI MENAMPUNG MASA PERALIHAN DARI PERTANIAN KEPADA PERINDUSTRIAN DAN PERUSAHAAN PERDAGANGAN DAN PEKILANGAN.

ALUMNI ITU JUGA BERHARAP MEMUPUK HUBUNGAN YANG LEBIH BAIK ANTARA MEREKA YANG MENJALANKAN PENGURUSAN DI SEKTOR AWAK DENGAN MEREKA DI SEKTOR SWASTA, TAMBAHNYA.

IA JUGA AKAN BERUSAHA MENAMBAHKAN KEGIATAN PERDAGANGAN DI RANTAU ASEAN DAN MUNGKIN MELUASKAN KEGIATANNYA DI AUSTRALIA, CANADA DAN EROPAH. —BERNAMA 1944/BY